

**20**  
mahasiswa

Sertai aktiviti berakit  
di Nenggiri



# Pelajar UPM berakit di Nenggiri

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bharian.com.my

**P**engalaman cemas berakit menyusuri arus deras sungai pasti menjadi kenangan manis 20 mahasiswa Kolej Kelima, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Mereka menyertai Ekspedisi Berakit Sungai Nenggiri, Gua Musang, Kelantan dalam program bertema 'Alami Keseronokannya, Nikmati Kepuasannya'.

Ekspedisi anjuran Kelab Kembara kolej berkenaan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar itu mahu menanam semangat mencintai alam sekitar dalam kalangan peserta.

Peserta ekspedisi, Marni Kasim, berkata, sebelum berakit, peserta diberi taklimat berkaitan teori wall climbing, abseiling, tips mendaki gunung dan berakit serta cara membuat rakit menggunakan besi, tali dan tiub tayar.

Cabarannya bermula dengan berakit menuju ke Gua Chah selama tiga jam dan setiba di destinasi,

kami memulakan aktiviti pemuliharaan dengan membersihkan sekitar gua.

"Kami mengumpul sampah sarap dan sisa makanan selain memungggah pokok mati yang menghalang laluan sebelum meneruskan aktiviti berakit menuju ke Pos Pulat esoknya."

"Perjalanan ke Pos Pulat mengambil masa lapan jam



**Peserta melakukan kerja memungggah pokok mati di Gua Chah.**



**Mahasiswa UPM** yang menyertai ekspedisi berakit Sungai Nenggiri, Gua Musang.

melalui Sungai Nenggiri,” katanya.

### Kawasan tercemar

Sepanjang mengharungi arus deras sungai, katanya, peserta mendapati banyak kawasan tercemar akibat aktiviti pembalakan tidak terkawal yang menyebabkan hakisan tanah.

Marni berkata, cabaran berakit semakin dirasai apabila terpaksa melalui arus deras di jeram berbeza iaitu Jeram Dala, Kalong, Manek dan Segalong.

Ada kalangan peserta yang berdepan situasi cemas apabila rakit mereka tersangkut dan hampir terbalik.

“Ekspedisi ini cukup menguji kekuatan pasukan dan kerjasama setiap peserta bagi mengharungi arus deras serta mengawal rakit dan keadaan kembali tenang selepas pembantu pantas bertindak.

“Kami akhirnya tiba di Pos Pulat pada jam 6.30 petang hari ketiga sebelum menginap di Sekolah Kebangsaan Pulat.

“Esoknya, kegiatan diteruskan bersama-sama murid

sekolah berkenaan dengan program motivasi kepada murid.

“Peserta dihiburkan dengan persembahan nasyid murid sekolah berkenaan yang pernah meraih kejayaan di peringkat daerah dan negeri,” katanya.

### Nikmati keindahan alam

Marni berkata, destinasi terakhir peserta ekspedisi ialah Kampung Star dengan beraikit sambil menikmati kein-

dahan panorama sepanjang tiga jam perjalanan.

Katanya, ekspedisi itu banyak memberi pendedahan kepada kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, berfikiran kritis dan kreatif serta bekerja dalam pasukan.

Beliau berkata, program itu turut melatih peserta menguruskan organisasi dengan baik sejajar dengan matlamat UPM bagi melahirkan graduan berilmu dan berdaya saing.



**Cabar berakit** menguji ketahanan fizikal dan mental peserta.